



**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SYARAT DAN KRITERIA KELAYAKAN PENGAJIAN PEKERJA ASING**

**SEKTOR PERKHIDMATAN  
BORONG DAN RUNCIT**

*Agensi Kawal Selia*  
**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)**

**FORMAT PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN**

1. Pasaraya besar (*hypermarket*), pasaraya (*supermarket*) pasar mini dan kedai runcit; dan
2. Pusat pengedaran (*distribution centre*).

**DIMENSI PENILAIAN**

1. **Pasaraya besar (*hypermarket*) dan pusat pengedaran (*distribution centre*):**
  - Keluasan lantai melebihi 5,000 meter persegi
2. **Pasaraya (*supermarket*):**
  - Keluasan lantai 1,000 meter persegi tetapi kurang daripada 4,999 meter persegi
3. **Pasar mini:**
  - Keluasan lantai 200 meter persegi tetapi kurang daripada 999 meter persegi
4. **Kedai runcit:**
  - Keluasan lantai tidak melebihi 199 meter persegi
5. Syarat minimum penilaian pekerja asing bagi setiap premis perlu **dikendalikan sekurang-kurangnya satu (1) orang pekerja tempatan termasuk majikan.**

## **KRITERIA KELAYAKAN KUOTA**

1. **Pasaraya besar (*hypermarket*), pasaraya (*supermarket*) dan pusat pengedaran (*distribution centre*):**
  - 15% daripada jumlah tenaga kerja tempatan
  
2. **Pasar mini:**
  - Maksimum 4 orang pekerja asing
  
3. **Kedai runcit:**
  - Maksimum 2 orang pekerja asing

## **JAWATAN YANG DIBENARKAN**

1. Pengisi Rak;
2. Pekerja Stor; dan
3. Pengendali Bahan Mentah.

## **DOKUMEN WAJIB PERMOHONAN**

1. Dokumen SSM terkini (syarikat keluasan lantai melebihi 5,000 meter persegi wajib berdaftar sebagai Sdn. Bhd./Bhd.);
2. Penyata KWSP (3 bulan terkini);
3. Penyata bank (3 bulan terkini);
4. Laporan kewangan tahunan (syarikat) atau penyata kunci kira-kira (Pemilikan tunggal/Enterprise) yang telah diaudit;
5. Penyata Cukai Pendapatan (<https://www.hasil.gov.my/borang/muat-turun-borang>):
  - a) Borang B - Pemilikan Tunggal/Enterprise
  - b) Borang C – Syarikat
6. Perjanjian sewa pajak terkini; dan
7. Lesen PBT terkini.

## **DOKUMEN TAMBAHAN**

1. Gambar hadapan premis yang memaparkan maklumat nama premis dan cawangan jika ada; dan
2. Gambar dalam premis yang memaparkan aktiviti syarikat.

## **SYARAT TAMBAHAN BAGI PASAR MINI DAN KEDAI RUNCIT**

1. Pekerja asing yang dimohon hanya untuk premis sedia ada dan bukan untuk tujuan pembukaan cawangan baharu; dan
2. Sekiranya terdapat keperluan pertukaran lokasi, majikan perlu mengemukakan permohonan kepada Jabatan Imigresen.

*\* Maklumat dikemaskini pada 18 Oktober 2024*